

Pelajar MC111 Antara 10 Peserta Terbaik dalam Kejohanan ACP Grand Finale Peringkat Nasional 2023

Ditulis oleh: Kendra Joseph

Tarikh: 1 June 2023, 8:30 AM – 5:30 PM

Lokasi: The Summit 1 Ballroom, Level M1, Connexion Conference & Event Centre

Adobe Certified Professional World Championship (ACP) ialah pertandingan reka bentuk yang menguji kemahiran reka bentuk pelajar dengan menggunakan Adobe Photoshop, Illustrator dan InDesign. Anjuran daripada Creative Cloud Community (CCC), platform ini telah ditetapkan untuk pelajar mempamerkan hasil kerja mereka pada skala yang lebih luas sambil membuka banyak peluang kepada mereka misalnya mendapatkan pekerjaan. Selain itu, pertandingan ini terbuka kepada semua institusi pengajian tinggi, sekolah menengah, kolej, serta politeknik.

Estee Wong Xing Ya, pelajar MC111 semester 2 pada masa itu telah mendaftarkan diri dalam pertandingan ACP tersebut yang berlanjutan dalam tempoh sebulan. Pertandingan ACP berjalan secara berperingkat di mana Estee telah berjaya melepasi sehingga peringkat Grand Finale. Dalam sidang kemuncak iaitu Micro-Credentials Education Summit 2023 (MCES): Future Proof of Economy bersempena dengan Kejohanan Kebangsaan Malaysia 2023 Grand Finale, Estee berjaya membawa pulang tempat ke-8 untuk UiTM Cawangan Alor Gajah dengan hasil kerja posternya bertemakan 'Mental Illness'.

Program MCES adalah program pembelajaran pendek yang memfokuskan individu untuk memperolehi kemahiran dan pengetahuan khusus dalam bidang yang disasarkan. Peserta yang mendaftarkan diri membawa banyak kelebihan seperti fleksibiliti pembelajaran sendiri, perolehan kemahiran yang disasarkan, malah keupayaan untuk kekal terkini dalam industri yang berkembang pesat. Hasilnya, individu tersebut boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka, menyesuaikan diri dalam permintaan industri dan mempamerkan kepakaran mereka kepada kebajikan.

Tambahan lagi, peserta yang mendapat 3 tempat terbaik berpeluang untuk bersaing dalam Adobe Certified Professional World Championship di Amerika Syarikat di mana mereka akan mewakili Malaysia. Oleh hal yang demikian, pemenang ACP 2023 iaitu pelajar Lee Sin Yin dari Asia Pacific Universiti akan bertanding di Orlando, USA berserta dengan 2 lagi pelajar daripada Multimedia Universiti dan UiTM Sarawak.














27



MCE
ESTEE W
XING





CERTIFICATE
OF RECOGNITION
PRESENTED TO
Estee Wong Xing Ya
8th PLACE WINNER
CCC'S ADOBE CERTIFIED PROFESSIONAL
MALAYSIA NATIONAL CHAMPIONSHIP 2023
CERTIPORT
Natalie Gill
Craig Bushman

#ForgetMeNot ST ILLUSTRATION
DEMENTIA AWARENESS
Living in the PRESENT
I'm Feeling Good
Enjoying The Moment
FINDING Joy in life
don't forget to
HAVE FUN. EAT. DRINK. AND BE MERRY.
HUGS
Telapenang
Helpline: 011-5589 2628

27

MICES
ESTEE WONG XING YA
CCC Adobe Certified Professional
Malaysia National Championship 2023
8th Place Winner





